

SIARAN MEDIA

BEKALAN AIR: HIJAU, LESTARI, MESRA RAKYAT UNTUK PULAU PINANG

PULAU PINANG, 29/5/2015: PBA HOLDINGS BHD (Rujukan Stok: PBA - 5041) akan terus melaksanakan inisiatif hijau, lestari dan mesra-rakyat untuk memastikan bekalan air yang mencukupi selepas Tahun 2020.

Pengerusi PBA Holdings Bhd (PBAHB) YAB Lim Guan Eng berkata ini adalah cara yang logik dan rasional bagi Pulau Pinang, sebuah negeri kekurangan air yang mempunyai potensi tidak terbatas tetapi mempunyai sumber air yang terhad.

"KDNK Pulau Pinang adalah RM63 bilion pada tahun 2013, dan kita menyumbang kira-kira 25% daripada import dan eksport Malaysia. Dalam tempoh 2008 – 2014, jumlah pelaburan di Pulau Pinang meningkat sebanyak 93.6% kepada RM48.2 bilion, berbanding RM24.9 bilion dalam tempoh 2001 – 2007. Pulau Pinang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi tahunan 6% sejak 2006 untuk mencatatkan KDNK RM63 bilion pada 2013. Selain itu, sektor pelancongan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dengan anggaran 6 bilion pelancong dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mencatatkan kadar pertambahan pergerakan penumpang 10% pada 2014.

"Pada masa yang sama, populasi meningkat sebanyak 18% dalam tempoh 2004 - 2014, daripada 1.4 juta orang kepada 1.645 juta orang," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-15 PBAHB di sini hari ini. PBAHB adalah syarikat senaraian-awam untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), pengendali bekalan air berlesen bagi Pulau Pinang.

YAB Lim, yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata pertumbuhan dan kemajuan Pulau Pinang yang berterusan juga dapat dilihat menerusi penggunaan airnya. "Dalam tempoh 2004 - 2014, purata pengambilan harian Pulau Pinang air meningkat sebanyak 28%, daripada 637 juta liter sehari (JLH) kepada 813 JLH," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, perubahan iklim telah memaksa negeri-negeri lain di Malaysia, termasuk Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Johor, serta "bandar paling basah" di negara ini, Taiping, melaksanakan catuan air pada tahun 2014 dan 2015.

KELAMBATAN SKIM PEMINDAHAN AIR MENTAH SUNGAI PERAK (SPRWTS)

Dengan memikirkan semua faktor-faktor penting dan prospek masa depan, YAB Lim berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP telah memohon pelaksanaan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) sejak 2010.

"Kita memerlukan SPRWTS bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2050. Kita perlu air yang mencukupi memastikan pencapaian ekonomi yang lebih baik untuk Pulau Pinang pada masa hadapan. Pulau Pinang memerlukan air untuk sebuah 'Negeri Hijau' dan kita memerlukan air yang cukup untuk menyokong gaya hidup yang lebih baik untuk anak-anak cucu kita kelak," katanya.

Walau bagaimanapun, YAB Lim menambah, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memaklumkan kepada Pulau Pinang yang SPRWTS adalah "terlalu awal"

dan sebaliknya, menasihatkan Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan per kapita domestik.

"Penggunaan per kapita domestik kita pada 293 liter/kapita/hari (l/k/h) pada tahun 2014 adalah yang tertinggi di negara ini berbanding dengan purata kebangsaan sebanyak 210 l/k/h pada tahun 2013," katanya.

MENETAPKAN SASARAN PER KAPITA DOMESTIK 260 L/K/H

YAB Lim berkata sasaran Pulau Pinang adalah untuk mengurangkan penggunaan per kapita domestik daripada 293 l/k/h kepada 260 l/k/h. Berdasarkan statistik 2014, pengurangan 33 l/k/h ini akan menyebabkan pengurangan 11.3% dalam penggunaan domestik, atau 54 Juta/Liter/Hari (JLH). Ini akan memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi selepas Tahun 2020, bagi menampung kelewatian SPRWTS.

Bagi memastikan sasaran 260 l/k/h tercapai, PBAPP mempromosikan secara aktif penjimatatan air sebagai inisiatif "hijau" melalui:

- Mengemaskini secara konsisten senario bekalan air di Pulau Pinang menerusi laporan akhbar dan Internet (terutamanya melalui www.pba.com.my);
- Mengemaskini setiap hari kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam pada *billboard* di lokasi berkenaan;
- Program kesedaran air dan program pendidikan oleh PBAPP dan *Water Watch Penang*, iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan; dan
- Penganjuran acara tahunan Sambutan Hari Air Sedunia untuk memberi makluman mengenai kepentingan air.

PBAPP juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menggalakkan lebih ramai orang ramai dan perniagaan memasang alat penjimatatan air yang "secara automatik" menjimatkan air dengan mengurangkan aliran air. Ini termasuk paip jimat air, pancuran mandi, kelengkapan tandas, lekapan tempat buang air kecil, mesin basuh dan mesin basuh pinggan mangkuk.

PENERAJU KE ARAH PENGURUSAN BEKALAN AIR LESTARI

Oleh itu, YAB Lim berkata, Pulau Pinang dan PBAPP adalah peneraju dalam "pengurusan bekalan air yang lestari" di Malaysia.

"Kelestarian bermaksud satu taraf hidup yang *standard* hari ini untuk semua tanpa berkompromi dengan keperluan generasi akan datang. Kami menggalakkan kelestarian/kemampanan kerana dua sebab utama.

"Sebab pertama, sebagai negara yang mempunyai keadaan geografi yang kecil, kita mempunyai sumber air mentah terhad. Walau bagaimanapun, kita mesti mengelakkan catuan air walau apa cara sekalipun. SPRWTS ditangguhkan tetapi Pulau Pinang masih perlu menghadapi cabaran perubahan iklim kerana kesan catuan pada masyarakat kita dan kesejahteraan ekonomi kelak mengundang bencana.

"Sebab kedua ialah kita mahu mengekalkan tarif domestik yang paling mesra rakyat di Malaysia," katanya. "Purata tarif kita bagi 75.3% daripada keseluruhan isi rumah di Pulau



Pinang adalah RM0.32 bagi setiap 1,000 liter. Kita tidak hirau apa yang orang lain kata, tetapi ini adalah yang paling rendah di Malaysia. Ia adalah 50% kurang daripada purata kebangsaan iaitu RM0.66 dan 1/3 daripada kadar tarif Johor iaitu RM1.05 setiap 1,000 liter. Ini adalah perkara paling penting kepada majoriti pengguna Pulau Pinang.

"Bagaimanapun, jika kita perlu membina lebih banyak infrastruktur bekalan air yang bernilai jutaan ringgit pada masa hadapan, maka purata tarif domestik untuk 35,000 liter pertama sebulan tidak akan lagi pada RM0.32 bagi setiap 1,000 liter malah mungkin menyamai kadar tarif Johor," katanya.

PENJIMATAN AIR DAN 'NEGERI HIJAU'

Menurut YAB Lim, PBAHB dan PBAPP berharap orang akan memahami dan menyokong inisiatif bekalan air yang lestari, mesra rakyat dan hijau di Pulau Pinang.

"Kami menyokong aspirasi rakyat Pulau Pinang untuk hidup dengan baik dan makmur di dalam sebuah 'Negeri Hijau.' Persekitaran yang hijau hanya boleh dicapai jika terdapat air yang mencukupi. Jadi, jika 'hijau' adalah hasrat anda, sila jimat air.

"Adalah sewajarnya untuk menggunakan air dengan bijak agar kita dapat mengekalkan bekalan air yang baik untuk masa depan dan mengelakkan catuan. Menjimatkan air juga membawa maksud anda dapat menikmati tarif paling mesra rakyat di Malaysia untuk seberapa lama yang boleh," katanya.

Dalam menjalankan peranannya, beliau berkata, PBAPP akan terus memperkenalkan dan melaksanakan inisiatif pengurusan permintaan air yang inovatif di Pulau Pinang bagi memastikan bekalan air yang mencukupi.

"Pulau Pinang berhak terhadap SPRWTS dan kita akan meneruskan pelaksanaannya untuk memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi menjelang Tahun 2050. Jika perlu, kita juga akan mengkaji kesesuaian teknologi alternatif lain seperti penuaian air hujan, kitar semula air dan penyahgaraman (desalinasi)," tambah beliau.

Hubungi: Syarifah Nasywa Syed Feisal Barakbah
 Unit Komunikasi Korporat
 Tel: 04 2013 231 | Email : syarifah@pba.com.my